

Patient Information Leaflet

What is in this leaflet

1. What Lariam is used for
2. How Lariam works
3. Before you take Lariam
4. How to take Lariam
5. While you are using Lariam
6. Side effects
7. After using Lariam
8. Product Description
9. Manufacturer

1. What Lariam is used for

Lariam contains the active ingredient mefloquine.

Lariam is used for the treatment and prevention of malaria resistant to other anti-malarial medicines and caused by the *Plasmodium falciparum* parasite.

Malaria is a life threatening disease and a major health risk for travellers visiting tropical countries.

It occurs when small parasites are passed from one person to another by the bites of certain mosquitoes. Lariam is especially useful if you are travelling to countries where there is a type of malaria which is particularly difficult to treat. No single medicine is effective against all malaria parasites. The choice of a particular medicine depends on the sensitivity of the malaria parasites found in the area to be visited. Your doctor will advise you whether Lariam is suitable for the area to which you wish you go.

Your doctor may have prescribed Lariam for another purpose.

Ask your doctor if you have any questions about why Lariam has been prescribed for you.

Lariam is not addictive.

This medicine is available only with a doctor's prescription.

2. How Lariam works

Lariam belongs to a group of medicines called quinolones (pronounced *kwin-o-lones*).

Lariam works by killing the parasites that may cause or have caused malaria.

3. Before you take Lariam

When you must not take Lariam

Do not take Lariam if:

1. **you have had an allergic reaction to Lariam, quinine, quinidine or any ingredients listed at the end of this leaflet**
2. **you have kidney disease**
3. **you have severe liver disease**
4. **you have a history of major psychiatric disorders, such as depression or anxiety or you currently have depression**
5. **you have a history of fits, seizures or convulsions (epilepsy)**
6. **the package is torn or shows signs of tampering**
7. **the expiry date (EXP) printed on the pack has passed.**

If you take this medicine after

the expiry date has passed, it may not work as well.

If you are not sure if you should be taking Lariam, talk to your doctor.

Before you start to take Lariam

Tell your doctor if:

1. **you are pregnant or plan to become pregnant.**

Lariam is not recommended for use during pregnancy. If there is a need to take Lariam during your pregnancy, your doctor will discuss with you the risks and benefits of using it.

2. **you are breast feeding or intend to breast feed**

Lariam passes into breast milk and may affect your baby.

3. **you have or have had any health problems, especially the following:**

- psychiatric disturbances particularly mood disturbances (e.g. anxiety, depression)
- heart conditions such as irregular heartbeat
- liver disease

4. **you are planning to travel to areas where Lariam may not be an effective treatment (i.e areas where there is an increased risk of drug resistance such as South-East Asia)**

Contact your doctor or travel health clinic before travelling for current advice on

treatment and precautionary measures.

5. if you are allergic to any other medicines, foods, dyes or preservatives.

If you have not told your doctor about any of the above, do so before you start taking Lariam.

Taking other medicines

Tell your doctor if you are taking any other medicines including any that you buy without a prescription from your pharmacy, supermarket or health food shop.

Some medicines may interfere with Lariam. These include:

- chloroquine, a medicine used to treat or prevent malaria
- halofantrine, a medicine used to treat malaria which is available overseas in some countries. Halofantrine must not be taken with Lariam, or after Lariam has been taken.
- quinine, a medicine used to treat cramps or malaria
- quinidine, a medicine used to treat a heart problem called atrial fibrillation
- ketoconazole and rifampicin, medicines used to treat infections
- medicines used to treat fits, seizures or convulsions (epilepsy) such as valproic acid, carbamazepine, phenobarbital and phenytoin
- medicines used to treat or prevent irregular heartbeat
- medicines used to treat high blood pressure, including

groups of medicines called beta-blockers and calcium channel blockers

- medicines used to lower blood-sugar (treat diabetes)
- medicines used to prevent blood clots
- some medicines used to treat depression and other mental disorders, including a group called tricyclic antidepressants
- some antihistamines and medicines used to prevent or relieve the symptoms of allergy, including promethazine and trimeprazine
- A group of medicines known as phenothiazines, including prochlorperazine, chlorpromazine, trifluoperazine and fluphenazine
- oral live typhoid vaccines. You should not be vaccinated against typhoid with live vaccine while taking Lariam. Oral live typhoid vaccinations should be completed at least three days before the first dose of Lariam.

These medicines may be affected by Lariam, or may affect how well it works. You may need to take different amounts of your medicine, or you may need to take different medicines. Your doctor will advise you.

Your doctor and pharmacist have more information on medicines to be careful with or avoid while taking Lariam.

4. How to take Lariam

Follow all directions given to you by your doctor and pharmacist carefully.

They may differ from the information contained in this leaflet.

How much Lariam to take

Take Lariam exactly as your doctor has prescribed.

Your doctor will tell you how many Lariam tablets to take for each dose and how often to take them.

Treatment of malaria

This will depend on your weight and whether you have been living in a malarious area. Normally, you should not receive more than 6 tablets in total. You may be advised to split the total dose into 2 or 3 smaller doses. 6-8 hours apart, to reduce the likelihood or severity of unwanted effects.

Prevention of malaria

The dose is 1 tablet of LARIAM once weekly *always on the same day*. Take the first tablet one week before you arrive in the malarial area. You should continue taking the tablets throughout your stay and for 4 weeks after your return.

Children's dose

The tablets are not recommended for children under 3 months of age, i.e., those who weigh less than 5 kg.

How to take Lariam

Swallow tablets whole with a full glass of water.

When to take Lariam

It does not matter if you take Lariam before or after food.

How long to take Lariam

Continue taking Lariam for as long as your doctor tells you to.

The length of therapy will depend on whether Lariam is used for treatment or prevention of malaria.

If you forget to take Lariam, either for prevention or treatment

If you miss a dose, take it as soon as possible. If it is nearly time for your next dose, skip the missed dose and carry on as before. Do not take a double dose.

If you take more tablets than you should, either for prevention or treatment

If you take too many tablets or someone else accidentally takes your medicine, contact your doctor, pharmacist or nearest hospital immediately.

5. While you are using Lariam

Things you must do

Tell all doctors, dentists and pharmacists who are treating you that you are taking Lariam.

Tell your doctor immediately if you become pregnant while taking Lariam.

Women of child-bearing potential should use effective contraception while taking Lariam and for at least three months after taking the last dose.

Tell your doctor if, for any reason, you have not taken your medicine exactly as prescribed.

Otherwise, your doctor may think that it was not effective and change your treatment unnecessarily.

If you are taking Lariam for the treatment of malaria, tell your doctor if you feel the tablets are not helping your condition.

If you are taking Lariam for the treatment of malaria, be sure to keep all of your appointments with your doctor so that your progress can be checked.

Things you must not do

Do not stop taking Lariam or change the dose without first checking with your doctor.

Do not let yourself run out of Lariam over the weekend or on holidays.

Do not give Lariam to anyone else even if they have the same condition as you.

Do not use Lariam to treat other complaints unless your doctor says to.

Do not take any other medicines whether they require a prescription or not without first telling your doctor or consulting a pharmacist.

Things to be careful of

Be careful driving or operating machinery until you know how Lariam affects you.

Lariam can cause dizziness and loss of balance, and these effects may continue for some months after taking Lariam in a small

number of patients. Sleepiness, fainting and fits have occurred occasionally.

6. Side effects

Tell your doctor or pharmacist as soon as possible if you do not feel well while you are taking Lariam.

Lariam helps most people but it may have unwanted side effects in a few people.

All medicines can have side effects. Sometimes they are serious, most of the time they are not. You may need medical treatment if you get some of the side effects.

When Lariam is used for treatment of malaria, side effects may occur more often than when it is used for prevention of malaria.

If you are taking Lariam for the treatment of malaria, you may not be able to distinguish between the symptoms of malaria and the side effects of Lariam.

Ask your doctor or pharmacist to answer any questions you may have.

Tell your doctor if you notice any of the following and they worry you:

- dizziness, light-headedness, a sense of spinning or fainting
- loss of balance
- headache
- irregular heart beat
- stomach upset including nausea (feeling sick), vomiting
- diarrhoea, pain in the stomach
- loss of appetite

- insomnia (inability to sleep)
- abnormal or strange dreams
- skin rash
- drowsiness, sleepiness
- buzzing or ringing in the ears or difficulty hearing.
- hair loss

These side effects are generally mild and may decrease with continued use of Lariam.

Tell your doctor immediately or go to Accident and Emergency at your nearest hospital if you experience any of the following:

- a fit, seizure or convulsion
- change in mood, for example, depression, restlessness, confusion, agitation, aggression, feeling anxious or nervous.
- irregular or racing heart beat, chest pain
- light-headedness
- vision or hearing disturbances
- aching muscles, cramps, muscle tenderness or weakness, not caused by exercise
- joint pain
- fever, sweating or chills
- difficulty breathing, shortness of breath, chest tightness, coughing or wheezing
- tingling or numbness in the hands or feet
- fatigue and/or flushing
- severe skin rash, blisters or bleeding in the lips, eyes, mouth, nose or genitals

- sudden tiredness, dizziness or sudden shortness of breath
- yellowing of the skin or the eyes.

These are serious side effects. You may need urgent medical attention. Serious side effects are rare.

This is not a complete list of all possible side effects. Others may occur in some people and there may be some side effects not yet known.

Tell your doctor if you notice anything else that is making you feel unwell, even if it is not on this list.

Ask your doctor or pharmacist if you do not understand anything in this list.

Do not be alarmed by this list of possible side effects. You may not experience any of them.

7. After using Lariam

Storage

Keep your tablets in the blister pack until it is time to take them.

If you take the tablets out of the blister pack they will not keep well.

Keep Lariam in a cool dry place where the temperature stays below 30 °C.

Keep Lariam where children cannot reach it.

Disposal

If your doctor tells you to stop taking Lariam, or the tablets

have passed their expiry date, ask your pharmacist what to do with any tablets that are left over.

Malaysia Registration Number (MAL):

Lariam Tablet 250 mg
[MAL19921123A]

8. Product Description

Lariam comes in one tablet strength, 250 mg.

Lariam comes in packs of 8 tablets.

What Lariam looks like

The tablets are white and are cross-scored

Ingredients

Active ingredient - mefloquine

- each Lariam tablet contains 250 mg mefloquine as mefloquine hydrochloride.

Inactive ingredients -

- microcrystalline cellulose
- lactose
- maize starch
- crospovidone
- ammonium calcium alginate
- talc [553]
- magnesium stearate [470]
- poloxamer 3800.

9. Manufacturer

Made in Switzerland by F. Hoffmann-La Roche Ltd, Basel

LARIAM[®]

contains the active ingredient mefloquine



Marketing Authorisation

Holder

Roche (M) Sdn. Bhd.
The Intermark,
348, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur

Date of Revision

6 February 2013
(MYPILLariam1112/CDS3.0)

Risalah Maklumat Pesakit

Kandungan di dalam risalah ini

1. Kegunaan Lariam
2. Cara Lariam bertindak
3. Sebelum anda mengambil Lariam
4. Cara pengambilan Lariam
5. Semasa anda sedang menggunakan Lariam
6. Kesan sampingan
7. Selepas menggunakan Lariam
8. Keterangan Produk
9. Pengilang

1. Kegunaan Lariam

Lariam mengandungi bahan aktif mefloquine.

Lariam digunakan untuk rawatan dan pencegahan ketahanan malaria terhadap ubat anti malaria lain dan yang disebabkan oleh parasit *Plasmodium falciparum*.

Malaria merupakan sejenis penyakit yang mengancam nyawa dan risiko kesihatan utama bagi pelancong yang mengunjungi negara-negara tropika.

Ia terjadi apabila parasit kecil dipindahkan dari seorang kepada orang yang lain dengan gigitan nyamuk tertentu. Lariam berguna terutamanya jika anda mengembara ke negara-negara di mana terdapat jenis malaria yang sukar untuk dirawat. Tiada satu ubat pun yang berkesan menentang semua parasit malaria. Pilihan ubat tertentu bergantung pada sensitiviti parasit malaria yang ditemui di kawasan yang akan dikunjungi. Doktor anda akan menasihati anda sama ada Lariam sesuai untuk kawasan

yang anda bercadang untuk kunjungi.

Doktor anda mungkin telah menetapkan pengambilan Lariam untuk tujuan lain.

Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang mengapa Lariam telah ditetapkan pengambilannya untuk anda.

Lariam tidak menyebabkan ketagihan.

Ubat ini hanya boleh diperolehi dengan preskripsi doktor.

2. Cara Lariam bertindak

Lariam tergolong kepada kumpulan ubat yang dipanggil *quinolones* (disebut *kwin-olones*).

Lariam bertindak dengan membunuh parasit yang boleh menyebabkan atau telah menyebabkan malaria.

3. Sebelum anda mengambil Lariam

Waktu anda tidak boleh mengambil Lariam

Jangan mengambil Lariam sekiranya:

1. anda mengalami tindak balas alahan terhadap Lariam, quinine, quinidine atau apa-apa bahan yang disenaraikan di penghujung risalah ini
2. anda mengidap penyakit buah pinggang

3. anda mengidap penyakit hati yang teruk
4. anda mempunyai sejarah gangguan psikiatri utama, misalnya kemurungan atau keresahan atau anda sedang mengalami kemurungan
5. anda mempunyai sejarah diserang sawan, serangan (penyakit) secara tiba-tiba atau konvulsi (epilepsi)
6. bungkus terkoyak atau menunjukkan tanda-tanda diusik/ dibuka
7. tarikh luput (EXP) yang tertera pada pek telah berlalu.

Jika anda mengambil ubat ini selepas tarikh luput, ia juga mungkin tidak akan bertindak sebagaimana yang diharapkan.

Jika anda tidak pasti sekiranya anda patut mengambil Lariam, berbincanglah dengan doktor anda.

Sebelum anda mula mengambil Lariam

Maklumkan doktor anda sekiranya:

1. anda hamil atau merancang untuk hamil.

Lariam tidak disyorkan untuk digunakan semasa kehamilan. Jika terdapat keperluan untuk mengambil Lariam semasa anda hamil, doktor anda akan berbincang dengan anda tentang risiko dan manfaat menggunakannya.

2. anda menyusui badan atau merancang untuk menyusui badan

Lariam meresap masuk ke dalam susu badan dan boleh menjejaskan bayi anda.

3. anda mengalami atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan, terutamanya yang berikut:

- gangguan psikiatri terutamanya gangguan mood (contohnya keresahan, kemurungan)
- keadaan jantung misalnya degupan jantung tidak teratur
- penyakit hati

4. anda merancang untuk mengembara ke kawasan-kawasan di mana Lariam mungkin bukan rawatan berkesan (iaitu kawasan-kawasan di mana terdapat risiko ketahanan ubat yang tinggi misalnya Asia Tenggara)

Hubungi doktor atau klinik kesihatan perjalanan anda sebelum mengembara untuk meminta nasihat tentang rawatan dan langkah berjaga-jaga.

5. jika anda alah kepada mana-mana ubat, makanan, pewarna atau bahan awet.

Jika anda masih belum memaklumkan doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, lakukannya sebelum anda mula mengambil Lariam.

Pengambilan ubat-ubat lain

Maklumkan doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa ubat lain termasuk yang anda beli tanpa preskripsi daripada kedai

farmasi, pasar raya atau makanan kesihatan.

Setengah ubat boleh mengganggu pengambilan Lariam. Ubat-ubat ini termasuk:

- chloroquine, iaitu ubat yang digunakan untuk merawat atau mencegah malaria
- halofantrine iaitu ubat yang digunakan untuk merawat malaria yang boleh didapati di luar negara di beberapa negara. Halofantrine tidak boleh diambil bersama Lariam, atau selepas Lariam telah diambil.
- quinine iaitu ubat yang digunakan untuk merawat kekejangan atau malaria
- quinidine, iaitu ubat yang digunakan untuk merawat masalah jantung yang dipanggil pemfibrilan atrium
- ketoconazole dan rifampicin iaitu ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan
- ubat-ubat yang digunakan untuk merawat sawan, serangan (penyakit) secara tiba-tiba atau konvulsi (epilepsi) misalnya valproic acid, carbamazepine, phenobarbital dan phenytoin
- ubat-ubat yang digunakan untuk merawat atau mencegah degupan jantung tidak teratur
- ubat-ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi, termasuk kumpulan ubat yang dipanggil penyekat beta dan penyekat saluran kalsium
- ubat-ubat yang digunakan untuk merendahkan gula darah (merawat diabetes)

- ubat-ubat yang digunakan untuk menghalang darah beku
- beberapa ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan dan gangguan mental lain, termasuk kumpulan ubat yang dipanggil antimurung tricyclic
- beberapa antihistamines dan ubat-ubat yang digunakan untuk mencegah atau melegakan gejala-gejala alahan, termasuk promethazine dan trimeprazine
- Kumpulan ubat yang dikenali sebagai phenothiazine, termasuk prochlorperazine, chlorpromazine, trifluoperazine dan fluphenazine
- vaksin hidup typhoid oral. Anda tidak sepatutnya divaksinakan menentang typhoid dengan vaksin hidup semasa mengambil Lariam. Pemvaksinan hidup typhoid oral hendaklah dilengkapkan sekurang-kurangnya tiga hari sebelum dos Lariam yang pertama.

Ubat-ubat ini mungkin terjejas oleh Lariam, atau boleh menjejaskan keberkesanannya untuk bertindak. Anda mungkin perlu mengambil jumlah ubat yang berbeza, atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berbeza. Doktor anda akan menasihati anda.

Doktor dan ahli farmasi anda memiliki lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang diperlu diberi perhatian atau dielakkan semasa mengambil Lariam.

4. Cara pengambilan Lariam

Ikuti dengan teliti semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor anda dan ahli farmasi.

Ia mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini.

Jumlah Lariam yang perlu diambil

Ambil Lariam dengan tepat sebagaimana yang telah ditetapkan oleh doktor anda.

Doktor anda akan memberitahu anda jumlah tablet Lariam yang perlu diambil bagi setiap dos dan kekerapan pengambilannya.

Rawatan malaria

Ini akan bergantung pada berat anda dan sama ada anda telah tinggal di kawasan yang mempunyai kes malaria. Lazimnya, anda sepatutnya tidak menerima lebih daripada 6 tablet secara keseluruhannya. Anda mungkin dinasihatkan untuk membahagikan jumlah dos kepada 2 atau 3 dos lebih kecil. Kekerapannya ialah 6-8 jam dalam sehari untuk mengurangkan keberangkilian atau keburukan kesan-kesan yang tidak diingini.

Pencegahan malaria

Dosnya adalah 1 tablet LARIAM sekali seminggu dan *sentiasa pada hari yang sama*. Ambil tablet pertama satu minggu sebelum anda tiba di kawasan bermalaria. Anda hendaklah meneruskan pengambilan tablet sepanjang penginapan anda dan

selama 4 minggu selepas anda pulang.

Dos kanak-kanak

Tablet adalah tidak disyorkan untuk kanak-kanak yang berumur bawah 3 bulan, iaitu yang berat badannya kurang daripada 5 kg.

Cara pengambilan Lariam

Telan tablet sepenuhnya bersama segelas air yang penuh.

Waktu pengambilan Lariam

Adalah tidak menjadi masalah sekiranya anda mengambil Lariam sebelum atau selepas makan.

Tempoh waktu pengambilan Lariam

Teruskan pengambilan Lariam selagi mana doktor anda mengarahkannya.

Tempoh waktu rawatan akan bergantung pada sama ada Lariam digunakan untuk rawatan atau pencegahan malaria.

Jika anda terlupa mengambil Lariam, sama ada untuk pencegahan atau rawatan

Jika anda terlepas satu dos, ambilnya secepat yang mungkin. Jika ia menghampiri waktu untuk dos anda yang seterusnya, langkau dos yang terlepas dan teruskan seperti sebelumnya. Jangan menggandakan dos.

Jika anda mengambil tablet lebih daripada yang sepatutnya, sama ada untuk pencegahan atau rawatan

Jika anda mengambil terlalu banyak tablet atau mengambil ubat anda secara tidak sengaja, hubungi doktor anda, ahli farmasi

atau hospital berdekatan anda dengan segera.

5. Semasa anda sedang menggunakan Lariam

Perkara yang mesti anda buat

Maklumkan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda yang anda sedang mengambil Lariam.

Maklumkan doktor anda dengan segera sekiranya anda disahkan hamil semasa sedang mengambil Lariam.

Wanita yang berpotensi untuk hamil perlu menggunakan kaedah pencegahan hamil yang berkesan semasa sedang mengambil Lariam dan untuk sekurang-kurangnya tiga bulan selepas pengambilan dos akhir.

Maklumkan doktor anda sekiranya, atas apa jua alasan, anda tidak mengambil ubat anda dengan tepat seperti yang telah ditetapkan.

Jika tidak, doktor anda mungkin fikir ubat tersebut tidak berkesan dan menukar rawatan yang tidak sepatutnya dilakukan ke atas anda.

Jika anda mengambil Lariam untuk rawatan malaria, maklumkan doktor anda sekiranya anda rasa tablet tidak membantu meredakan keadaan anda.

Jika anda mengambil Lariam untuk rawatan malaria, pastikan untuk mematuhi semua janji temu dengan doktor anda supaya kemajuan anda dapat disemak.

Perkara yang anda tidak boleh buat

Jangan hentikan pengambilan Lariam atau menukar dos tanpa terlebih dahulu merujuk kepada doktor anda.

Jangan biarkan diri anda kehabisan Lariam sepanjang hujung minggu atau semasa sedang bercuti..

Jangan berikan Lariam kepada orang lain meski pun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan guna Lariam untuk merawat aduan-aduan lain melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

Jangan ambil apa-apa ubat lain sama ada ia memerlukan preskripsi atau tanpa preskripsi tanpa terlebih dahulu memaklumkan doktor anda atau merujuk kepada ahli farmasi.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin/jentera sehingga anda tahu bagaimana Lariam boleh menjejaskan anda.

Lariam boleh menyebabkan pening dan hilang keseimbangan, dan kesan-kesan ini boleh berterusan selama beberapa bulan selepas pengambilan Lariam pada sejumlah kecil pesakit. Kadang-kadang rasa mengantuk, pengsan dan sawan telah dilaporkan.

6. Kesan sampingan

Maklumkan doktor anda atau ahli farmasi dengan segera sekiranya anda berasa tidak sihat semasa anda mengambil Lariam.

Lariam membantu kebanyakan orang tetapi ia boleh mendatangkan kesan sampingan pada segelintir orang.

Semua ubat boleh mendatangkan kesan sampingan. Kadang kala ia serius, tetapi kebiasaannya ia tidak serius. Anda mungkin perlu mendapatkan rawatan perubatan sekiranya anda mengalami sebahagian daripada kesan sampingan tersebut.

Apabila Lariam digunakan untuk rawatan malaria, kesan sampingan boleh terjadi lebih kerap daripada apabila ia digunakan untuk pencegahan malaria.

Jika anda mengambil Lariam untuk rawatan malaria, anda mungkin tidak boleh membezakan antara gejala-gejala malaria dan kesan sampingan Lariam.

Tanya doktor anda atau ahli farmasi untuk menjawab apa-apa soalan yang mungkin bermain di fikiran anda.

Maklumkan doktor anda sekiranya anda perasan mana-mana yang berikut dan ia merisaukan anda:

- pening, pening-pening lalat, a rasa berputar atau hendak pengsan
- hilang keseimbangan
- sakit kepala
- degupan jantung tidak teratur
- sakit perut termasuk loya (rasa mual), muntah
- cirit-birit, sakit dalam perut
- hilang selera makan
- insomnia (sukar untuk tidur)
- mimpi luar biasa atau pelik

- ruam kulit
- pening, rasa mengantuk
- bunyi berdengung atau berdering di dalam telinga atau kesukaran mendengar.
- rambut gugur

Lazimnya, kesan sampingan ini adalah ringan dan akan berkurangan dengan penggunaan Lariam secara berterusan.

Maklumkan doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kemalangan dan Kecemasan di hospital berhampiran anda sekiranya anda mengalami mana-mana yang berikut:

- sawan, serangan (penyakit) secara tiba-tiba atau konvulsi
- perubahan dalam mood, contohnya, kegelisahan, kekeliruan, agitasi, agresif, rasa resah atau gemuruh.
- degupan antung tidak teratur atau laju, sakit dada
- pening-pening lalat
- gangguan penglihatan atau pendengaran
- sakit otot, kejang, kenyarian atau kelemahan otot yang bukan disebabkan oleh senaman
- sakit sendi
- demam, berpeluh atau menggigil
- kesukaran bernafas, sesak nafas, sesak dada, batuk atau semput
- rasa sesemut atau kebas pada tangan atau kaki
- lesu dan/atau merah (muka)
- ruam kulit yang teruk, lepuh atau pendarahan pada bibir,

mata, mulut, hidung atau alat kelamin

- kepenatan, pening secara tiba-tiba atau sesak nafas secara tiba-tiba
- kulit atau mata kekuningan.

Ini adalah kesan sampingan yang serius. Anda mungkin perlu perhatian perubatan segera. Kesan sampingan serius adalah jarang dilaporkan.

Ini bukan senarai kesan sampingan berkemungkinan yang lengkap. Kesan sampingan lain boleh terjadi pada segelintir orang dan mungkin terdapat beberapa kesan sampingan yang masih belum diketahui.

Maklumkan doktor anda sekiranya anda perasan kesan sampingan lain yang membuat anda rasa tidak sihat, walaupun yang tidak disenaraikan di dalam senarai ini.

Tanya doktor anda atau ahli farmasi sekiranya anda tidak memahami apa-apa di dalam senarai ini.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan berkemungkinan ini. Anda mungkin tidak akan mengalaminya.

7. Selepas menggunakan Lariam

Penyimpanan

Simpan tablet anda di dalam pek lepuh hingga sampai waktu mengambilnya.

Jika anda mengambil tablet

keluar dari pek lepuh, ia mungkin tidak disimpan dengan baik.

Simpan Lariam di tempat kering dan sejuk di mana suhu kekal di bawah 30 °C.

Simpan Lariam jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda untuk menghentikan pengambilan Lariam, atau ubat tersebut telah melepasi tarikh luput, tanya ahli farmasi anda tentang cara untuk mengendalikannya ubat yang tidak boleh digunakan lagi.

Nombor Pendaftaran Malaysia (MAL):

Tablet Lariam 250 mg
[MAL19921123A]

8. Keterangan Produk

Lariam boleh didapati dalam satu sukatan kekuatan tablet iaitu 250 mg.

Lariam dibungkus dalam pek yang mengandungi 8 tablet.

Rupa Lariam

Tabletnya berwarna putih dengan goresan silang

Bahan-bahan

Bahan aktif - mefloquine

- setiap tablet Lariam mengandungi 250 mg mefloquine dalam bentuk mefloquine hidroklorida.

Bahan-bahan tidak aktif -

- selulosa bermikrohablur
- laktosa
- kanji jagung

- crosprovidone
- ammonium kalsium alginat
- talkum [553]
- magnesium stearat [470]
- poloxamer 3800.

9. Pengilang

Dibuat di Switzerland oleh F. Hoffmann-La Roche Ltd, Basel

Pemegang Kebenaran Pemasaran

Roche (M) Sdn. Bhd.
The Intermark,
348, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur

Tarikh Semakan

06 February 2013
(MYPILLariam1112/CDS3.0)